

**LAPORAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK
PADA
20 HINGGA 23 JUN 2011**

1.0 **TUJUAN**

Laporan ini disediakan bertujuan memaklumkan perjalanan ***Lawatan Sambil Belajar Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak*** yang telah dilaksanakan pada ***20 hingga 23 Jun 2011*** lalu, iaitu ***selama empat (4) hari tiga malam***. Delegasi Lawatan Sambil Belajar ini diketuai oleh ***YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)*** selaku Pengerusi MBJ dan disertai oleh ***enam (6) orang Wakil Pihak Pegawai dan dua puluh lima (25) orang Wakil Pihak Pekerja berserta tiga (3) orang urus setia*** daripada Cawangan Pengurusan Prestasi, Kaunseling dan Integriti, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

2.0 **LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Lawatan Sambil Belajar ini diadakan bertujuan memberikan pendedahan dan pengalaman berhubung aspek pengurusan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di Pentadbiran lain kepada perwakilan. Program ini juga sebagai insentif kepada perwakilan yang sentiasa memberikan kerjasama dalam melancarkan pengurusan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- 2.2 Program ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Pegawai dan Kakitangan daripada Pejabat Ketua Menteri Negeri Sarawak dan Perbadanan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA). Aturcara lawatan disertakan di ***Lampiran A*** untuk rujukan selanjutnya.

3.0 PELAKSANAAN LAWATAN

3.1 HARI PERTAMA – 20 Jun 2011 (Isnin)

- 3.1.1 Peserta dan urus setia berkumpul di hadapan Dewan Negeri Selangor mulai jam 8.00 pagi hingga 8.30 pagi. **Encik Mohamed Rashid bin Hamid, Urus setia MBJ** daripada **Cawangan Prestasi, Kaunseling dan Integriti, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** telah memberikan sesi taklimat ringkas berhubung dengan aturcara program yang telah diatur. Di akhir sesi taklimat beliau telah menjemput **Tuan Haji Zsali bin Mohd Yunus, Wakil Pemandu** daripada **Pejabat Mufti Negeri Selangor** untuk membacakan doa selamat.
- 3.1.2 Bas yang membawa peserta dan urus setia bertolak tepat jam 8.30 pagi menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Semua peserta lawatan ini telah disediakan sarapan dan minum pagi.
- 3.1.3 Bas yang membawa peserta tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 9.30 pagi. **Puan Zurina binti Abdullah, Pengurus Pelancongan dan Encik Mohd Zulkarnain bin Ariffin, Pembantu Tadbir** di **Tourism Selangor** telah menunggu di Lapangan Terbang bagi menguruskan tiket penerbangan semua peserta.
- 3.1.4 Semua peserta berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak pada jam **11.45 pagi** dengan **No. Penerbangan FY 608** dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak jam **1.30 tengah hari**.
- 3.1.5 Semua peserta telah di bawa ke **Hotel Harbour View, Kuching, Sarawak** dengan menaiki bas yang telah disediakan oleh Pejabat Ketua Menteri Sarawak untuk pendaftaran masuk (**Check In**).

- 3.1.6 Setiba di Hotel Harbour View urus setia telah menyerahkan kunci bilik kepada semua peserta. Semua peserta menuju ke bilik masing-masing untuk berehat dan aktiviti bebas.
- 3.1.7 Pada jam 7.00 malam semua peserta telah menuju ke Cafe Hotel untuk makan malam. YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak tepat jam **20.45 malam** dengan penerbangan **MH 2530**.
- 3.1.8 Ketibaan YBhg Dato' telah disambut oleh **Encik Muhammad Siddiq bin Masror** selaku Setiausaha MBJ, PSUK Negeri Selangor dan urus setia MBJ Pejabat Ketua Menteri Sarawak. Pihak urus setia Pejabat Ketua Menteri Sarawak telah menyediakan sebuah kereta jenis **Mercedes Benz** untuk YBhg Dato' dan sebuah kereta jenis **V6 Perdana** untuk urus setia PSUK Negeri Selangor.
- 3.1.9 Sejurus sahaja tiba beliau terus dibawa ke hotel penginapan menaiki kenderaan jenis **"Mercedes Benz"** daripada Pejabat Ketua Menteri Sarawak. Setiba di hotel penginapan urus setia telah menyerahkan kunci bilik penginapan yang telah ditetapkan.
- 3.1.10 Semua peserta telah berkumpul di hadapan **Bilik Mesyuarat Bukit Tebu 1&2, Hotel Harbour View** pada jam 10.30 malam untuk kudapan dan acara bebas.

3.2 HARI KEDUA – 21 Jun 2011 (Selasa)

- 3.2.1 Semua peserta bersarapan pagi di hotel penginapan pada jam 7.00 pagi. Pada jam 7.45 pagi semua peserta telah berkumpul di lobi hotel untuk melakukan lawatan rasmi dan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak. Bas yang membawa peserta bertolak daripada hotel penginapan pada jam 8.00 pagi dan tiba di perkarangan Pejabat Ketua Menteri Sarawak pada jam 8.30 pagi.
- 3.2.2 YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) selaku Pengerusi MBJ PSUK Negeri Selangor telah mengetuai rombongan ini. Beberapa pegawai kanan daripada Pejabat Ketua Menteri Sarawak telah menyambut ketibaan YBhg Dato' dan ahli rombongan.
- 3.2.3 YBhg Dato' dan enam (6) ahli pihak pegawai terus sahaja di bawa ke Pejabat ***YBhg Datu Haji Misnu bin Haji Tahar, Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Ketua Menteri Sarawak*** untuk sesi kunjungan hormat. Sesi kunjungan hormat ini mengambil masa lebih kurang ***tiga puluh (30) minit*** dan diakhir sesi kunjungan ini kedua-dua belah pihak telah bertukar cenderahati.
- 3.2.4 Sementara itu para ahli rombongan yang lain telah di bawa ke bilik gerakan dengan diiringi beberapa pegawai dan urus setia daripada Pejabat Ketua Menteri Sarawak untuk sesi suai kenal.
- 3.2.5 Sebaik sahaja sesi kunjungan hormat selesai, YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar dan enam (6) Ahli Pihak Pegawai telah di bawa ke bilik gerakan untuk sesi taklimat MBJ oleh Pejabat Ketua Sarawak. Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh ***Encik Malcom Yong Kar Siew, Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan Sumber Manusia.***

- 3.2.6 Sesi taklimat selesai pada jam 11.30 pagi. Kedua-dua pihak telah di beri peluang untuk mengemukakan sebarang pertanyaan untuk di kongsi bersama. Pada jam 12.00 tengah hari semua ahli rombongan telah di bawa ke dewan makan untuk menikmati jamuan makan tengah hari yang telah disediakan oleh Pejabat Ketua Sarawak.
- 3.2.7 Pada jam 12.30 tengah hari semua ahli rombongan telah bertolak kembali ke hotel penginapan. Semua ahli rombongan telah tiba di hotel penginapan pada jam 1.00 tengah hari dan terus sahaja menikmati makan tengah hari dan acara bebas / solat.
- 3.2.8 Pihak urus setia telah memaklumkan supaya semua ahli rombongan berkumpul kembali di **lobi hotel** pada jam 2.00 petang bagi sesi lawatan ke **Kampung Budaya (Culture Village)** yang terletak berhampiran kaki Gunung Santubung.
- 3.2.9 Bas bertolak ke Kampung Budaya pada jam 2.30 petang dan tiba di kampung Budaya pada jam 3.30 petang. Semua ahli rombongan telah di bawa melawat di sekitar Kampung Budaya sehingga jam 4.00 petang.
- 3.2.10 Pada jam 4.00 petang, semua ahli rombongan telah di bawa masuk ke dewan budaya untuk menikmati persembahan tarian dan nyayian daripada Kumpulan Kampung Budaya Negeri Sarawak dan di akhir persembahan beberapa ahli rombongan telah di jemput untuk turut serta menarikan tarian kebudayaan Negeri Sarawak.
- 3.2.11 Selesai sahaja persembahan kebudayaan, semua ahli rombongan menuju ke bas yang telah disediakan untuk kembali ke hotel penginapan. Bas tiba di hotel penginapan pada jam 7.00 malam dan semua ahli rombongan terus menuju ke Cafe Hotel untuk menikmati makan malam dan acara bebas.

3.2.12 **Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2011** telah diadakan pada **jam 8.30 malam** bertempat di **Bilik Mesyuarat Bukit Tebu 1&2, Hotel Harbour View**. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua ahli rombongan dan dipengerusikan oleh YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Mesyuarat ini selesai pada jam 10.30 malam.

3.2.13 Semua ahli-ahli mesyuarat telah menikmati kudapan yang telah disediakan pada jam 10.30 malam dan acara bebas.

3.3 **HARI KETIGA - 22 Jun 2011 (Rabu)**

3.3.1 Semua peserta bersarapan pagi di hotel penginapan pada jam 7.00 pagi. Pada jam 7.45 pagi semua peserta telah berkumpul di lobi hotel untuk melakukan lawatan rasmi dan kunjungan hormat ke **Perbadanan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**. Bas yang membawa peserta bertolak daripada hotel penginapan pada jam 8.00 pagi dan tiba di perkarangan Perbadanan Perusahaan Kayu Sarawak pada jam 8.30 pagi.

3.3.2 YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) selaku Pengerusi MJB PSUK Negeri Selangor telah mengetuai rombongan ini. Beberapa pegawai kanan daripada Perbadanan Perusahaan Kayu Sarawak telah menyambut ketibaan YBhg Dato' dan ahli rombongan.

3.3.3 YBhg Dato' dan enam (6) ahli pihak pegawai terus sahaja di bawa ke Pejabat **YBhg Datu Haji Sarudu Haji Hoklai, Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Kayu Sarawak (PUSAKA)** untuk sesi kunjungan hormat.

3.3.4 Sementara itu para ahli rombongan yang lain telah di bawa ke **Bilik Gerakan** dengan diiringi beberapa pegawai dan urus setia daripada PUSAKA Negeri Sarawak untuk sesi suai kenal.

- 3.3.5 Sesi kunjungan hormat ini mengambil masa lebih kurang tiga puluh (30) minit. Sebaik sahaja selesai sesi kunjungan hormat YBhg Dato' Tarmed bin Haji Omar serta YBhg Datu Haji Sarudu Haji Hoklai diiringi pegawai masing-masing bergerak menuju ke Bilik Gerakan bagi taklimat MBJ disampaikan oleh pegawai daripada PUSAKA Negeri Sarawak.
- 3.3.6 Sesi taklimat selesai pada jam 11.30 pagi. Kedua-dua belah pihak telah di beri peluang untuk mengemukakan sebarang pertanyaan untuk di kongsi bersama. Sesi bergambar di antara kedua-dua belah pihak telah diadakan pada jam 12.00 tengah hari sebelum semua ahli rombongan di bawa ke dewan makan untuk menikmati jamuan makan tengah hari yang telah disediakan oleh PUSAKA Negeri Sarawak.
- 3.3.7 Pada jam 12.30 tengah hari semua ahli rombongan telah bertolak kembali ke hotel penginapan. Semua ahli rombongan telah tiba di hotel penginapan pada jam 1.00 tengah hari dan terus sahaja menikmati makan tengah hari dan acara bebas/solat.
- 3.3.8 Pihak urus setia telah memaklumkan supaya semua ahli rombongan berkumpul kembali di lobi hotel pada jam 2.00 petang bagi sesi lawatan ke ***Pusat Penyelidikan Orang Utan di Semanggong.***
- 3.3.9 Bas bertolak pada jam 2.30 petang dan tiba di Pusat Penyelidikan Orang Utan Semanggong pada jam 3.30 petang. Semua ahli rombongan telah di bawa melawat ke Pusat Penyelidikan sehingga jam 6.00 petang.
- 3.3.10 Selesai sahaja sesi lawatan, semua ahli rombongan menuju ke bas yang telah disediakan untuk kembali ke hotel penginapan. Bas tiba di hotel penginapan pada jam 7.00 malam dan semua ahli rombongan terus menuju ke Cafe Hotel untuk menikmati makan malam dan acara bebas.

3.3.11 Pada jam 8.30 malam, semua ahli rombongan telah di beri ***taklimat ringkas*** berhubung perjalanan pulang untuk keesokan hari. Sesi taklimat ringkas selesai pada jam 9.00 malam. Kudapan telah disediakan pada jam 10.30 malam dan acara bebas.

3.4 **HARI KEEMPAT - 23 Jun 201 (Khamis)**

3.4.1 Semua peserta dan urus setia bersarapan pagi seawal jam 7.30 pagi. Pada jam 8 .30 pagi, semua peserta berkumpul di Lobby Hotel untuk acara bebas di pasar Sarikei.

3.4.2 Pada jam 11.00 pagi bas yang membawa peserta dan urus setia bergerak pulang ke Hotel Penginapan. Semua ahli rombongan telah tiba di hotel penginapan pada jam 12.00 tengah hari dan terus sahaja menikmati makan tengah hari dan acara bebas/solat.

3.4.3 Pihak urus setia telah memaklumkan supaya semua peserta berkumpul kembali di lobi hotel pada jam 1.30 petang untuk ***“Check Out”*** dan bergerak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching untuk penerbangan pulang.

3.4.4 Bas yang membawa peserta tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada jam 1.30 tengah hari. Urus setia MBJ, PSUK Selangor telah menguruskan tiket penerbangan pulang semua peserta.

3.4.5 Semua peserta berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, pada ***jam 3.15 petang*** dengan ***No. Penerbangan FY 611*** dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 5.00 petang.

3.4.6 **Encik Kamaruzamman bin Manaf dan Encik Zazila bin Ahmad, pemandu** daripada **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor** telah menunggu di lapangan terbang untuk membawa pulang peserta ke Pejabat PSUK Selangor.

3.4.7 Semua peserta telah selamat tiba di hadapan Dewan Negeri Selangor pada jam 7.00 malam dan bersurai.

4.0 **KEKANGAN / SYOR**

- 4.1 Secara keseluruhannya, Lawatan Kerja ini dilaksanakan dengan jayanya kerana mendapat kerjasama yang baik daripada Wakil Pihak Pegawai dan Wakil Pihak Pekerja, PSUK Negeri Selangor dan pihak Pejabat Ketua Menteri Sarawak serta Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak sendiri.
- 4.2 Maklum balas yang diterima daripada wakil pihak pegawai dan wakil pihak pekerja adalah amat memuaskan. Di samping itu terdapat cadangan-cadangan agar program lawatan kerja seperti ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa yang akan datang.
- 4.3 Bersama ini disertakan gambar-gambar lawatan kerja **di Lampiran A** untuk rujukan.

Disediakan oleh :
(MOHAMED RASHID BIN HAMID)
PEMBANTU TADBIR (T)1

TARIKH :

Disemak oleh :
(PUAN SUHANA BINTI SURANI)
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
(TATATERTIB)

TARIKH :

Disahkan Oleh :
(MUHAMMAD SIDDIQ BIN MASROR)
PENOLONG SETIAUSAHA (T)

TARIKH :